

# Pelajar USIM teroka Hutan Lipur Tampin

**TEROKA.** SERAMAI 42 pelajar Unit Perlindungan Perubatan Pelajar (U3P) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meneroka Hutan Lipur Batu Maloi, Johor, Tampin, Negeri Sembilan. Program yang disertai kakitangan Pusat Kesihatan Universiti dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan itu bertujuan memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga hutan serta alam sekitar. Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, program itu diadakan sempena Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada 21 Mac setiap tahun.



**SEBAHAGIAN** pelajar USIM bergambar kenangan pada program meneroka kawasan Hutan Lipur Batu Maloi, Johor baru-baru ini.